

06 MAY 2001

PERDANA MENTERI RASMI PERAYAAN HARI BELIA DI IPOH PADA 15 MEI

IPOH, 6 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan merasmikan perayaan Hari Belia peringkat kebangsaan di Stadium Perak di sini pada 15 Mei ini.

Menteri Besar Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali berkata seramai 30,000 belia dijangka menyertai perayaan itu yang akan diadakan pada sebelah malam.

"Kita mahu seramai mungkin belia datang menghadiri malam perasmian itu dan mengatasi rekod penyertaan kira-kira 10,000 orang pada tahun-tahun sebelum ini," katanya kepada pemberita selepas merasmikan kempen derma darah sempena Hari Bulan Sabit Merah serta Hari Belia 2001 di sini hari ini.

Pada majlis itu juga, Tajol Rosli mengumumkan peruntukan RM10,000 kepada Hospital Ipoh untuk membeli katil-katil dan peralatan menderma darah.

"Saya difahamkan oleh pihak hospital, kita mempunyai cukup ramai penderma tetapi tidak cukup katil dan peralatan," katanya.

Beliau juga kagum dengan langkah sebuah sekolah di Kampar yang menghantar 138 pelajar menderma darah semasa kempen itu kerana jarang-jarang sekali para pelajar berbuat demikian.

-- BERNAMA

AR RON